

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Fadzil pula kata PAS boleh timbang

ALOR SETAR, Jumaat — PAS mempunyai sikap terbuka terhadap tawaran Barisan Nasional menyertai semula Barisan Nasional.

Bagaimanapun, tawaran itu boleh ditimbang, jika Barisan Nasional mengadakan perbincangan atau dialog dengan PAS mengenainya, kata Naib-Yang Dipertua Agungnya, Encik Fadzil Mohamad Noor.

Dalam perbincangan itu, kedua-dua pihak boleh menghuraikan apa yang perlu serta bertukar pendapat mengenainya, kata beliau.

Encik Fadzil berpendapat perbincangan seumpama itu perlu diadakan, jika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang membuat tawaran tersebut benar-benar serius dan ikhlas.

Oleh itu, katanya, Barisan Nasional harus menjemput pucuk pimpinan PAS untuk membincangkan tawaran tersebut.

Pemimpin PAS itu berkata, tawaran itu tidak seharusnya dibuat menerusi kenyataan-kenyataan dalam akhbar.

Kenyataan seumpama itu terbuka jika menerusi akhbar, serta ditambah pula dengan kenyataan yang menyelar PAS dan ini membuat PAS ragu-ragu tentang tawaran itu, katanya.

Encik Fadzil berkata, jika kesanggupan Barisan Nasional bekerjasama dengan PAS itu ikhlas, ini menunjukkan satu perkembangan baru dalam parti pemerintah.

Beliau juga menegaskan PAS mendukung perpaduan, tetapi mesti berasas. — Bernama.